

**PAS gesa kerajaan kemuka statistik tahanan ISA, EO berkaitan senjata api
Malaysian Insider
Aug 1 , 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis**

PAS hari ini menggesa pemimpin Barisan Nasional (BN) mengemukakan statistik jumlah kes tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Ordinan Darurat (EO) berkaitan senjata api sebelum mengaitkan pemansuhan dua undang-undang berkenaan menjadi punca peningkatan kes kejadian pembunuhan.

Ketua Penerangan PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man (gambar) sebaliknya menegaskan cadangan untuk menggembalikan dua undang-undang berkenaan juga tidak munasabah kerana kedua-duanya tidak adil daripada sudut Islam.

"PAS lebih cenderung mempercayai penjenayah bersenjata api ini mendapat bekalan senjata secara sindiket haram akibat kelolosan pemeriksaan di pintu masuk negara," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dilaporkan sebelum ini berkata beliau menyambut baik cadangan supaya diperkenalkan semula ISA yang dimansuhkan sebelum ini atas alasan peningkatan kadar jenayah berat saban hari, susah diterima.

"Apakah Shafie mempunyai statistik di tangan ketika membuat kenyataan itu? Berapa jumlah tahanan ISA sebelum ini adalah kerana pemilikan senjata api secara haram," katanya.

Terbaru menjadi mangsa kes pembunuhan adalah pengasas Kumpulan Perbankan Arab Malaysian, Hussain Ahmad Najadi yang dipercayai dibunuh pembunuh upahan.

Hussain, 75, maut manakala isterinya yang berusia 49 tahun cedera parah ditembak dari jarak dekat di tempat letak kereta selepas keluar dari Tokong Kuan Yin di Lorong Ceylon pada 2 petang Isnin lalu.

Mangsa terkena dua das tembakan di bahagian dada dan meninggal dunia di tempat kejadian manakala isterinya cedera di pergelangan tangan kiri serta peha kanan.

Hussain mengasaskan Kumpulan Perbankan Arab Malaysian pada 1975 sebelum ia bertukar tangan pada 1982 dan dikenali sebagai Arab Malaysian Bank atau Ambank.

Tuan Ibrahim turut mengingatkan bekas Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Rahim Noor dan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang menyarankan supaya kerajaan menggembalikan Akta Ordinan Darurat dakwaan bahawa peratusan besar jenayah yang berlaku sejak kebelakangan ini melibatkan bekas tahanan EO yang telah dibebaskan.

"Sekiranya benar bekas tahanan EO di belakang jenayah-jenayah berat kebelakangan ini, sudah tentu polis boleh menahan mereka di bawah Akta Senjata 1960 kerana memiliki senjata api tanpa lesen dan melakukan pembunuhan menggunakan senjata api. Di bawah akta ini, jika disabit kesalahan boleh dihukum mati dan penjara seumur hidup," katanya.

"Oleh itu, PAS berpendirian tegas bahawa ISA dan EO tidak perlu diperkenalkan kembali untuk menyelesaikan krisis jenayah tembakan yang semakin berleluasa kerana itu bukan jawapan kepada krisis ini." – 1 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-gesa-kerajaan-kemuka-statistik-tahanan-isa-eo-berkaitan-senjata-api>